



JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN SERANGAN HARIMAU BELANG DI SUNGAI SIPUT (U), PERAK

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia menerima aduan pada 21 September 2026, kira-kira jam 4.30 petang, berhubung kejadian seorang lelaki Orang Asli yang dipercayai diserang oleh Harimau belang di Kampung Takung, Pos Perwor, Sungai Siput (U), Perak.
2. Susulan penerimaan maklumat tersebut, Jabatan PERHILITAN Negeri Perak melalui Pejabat PERHILITAN Daerah Sungai Siput telah segera menggerakkan anggota ke lokasi bagi menjalankan usaha pencarian, mendapatkan maklumat awal, melaksanakan pemeriksaan di lokasi serta menjalankan siasatan bagi mengenal pasti keadaan sebenar kejadian. Operasi pencarian turut mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta penduduk setempat.

3. Berdasarkan maklumat dan pemerhatian awal di lokasi, mangsa, seorang lelaki berusia 43 tahun, telah ditemui di kawasan berhampiran jalan balak. Pemerhatian awal turut mendapati terdapat kesan pergelutan di lokasi yang dipercayai berkaitan dengan kejadian. Jarak antara lokasi kesan pergelutan dengan lokasi penemuan mangsa dianggarkan kira-kira 200 meter.
4. Walau bagaimanapun, Jabatan PERHILITAN ingin menegaskan bahawa siasatan masih sedang dijalankan bagi mengesahkan butiran kejadian, termasuk mengenal pasti punca, keadaan sebenar kejadian dalam insiden tersebut. Sebarang kesimpulan lanjut akan dibuat berdasarkan hasil siasatan dan bukti yang diperolehi di lapangan.
5. Sehubungan itu, pasukan Jabatan PERHILITAN telah mengambil tindakan segera dengan melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan kejadian, termasuk mengenal pasti tanda-tanda kehadiran Harimau belang, mendapatkan maklumat daripada penduduk setempat serta mengambil langkah pemasangan perangkap di kawasan yang dikenal pasti sesuai. Tindakan pengurusan selanjutnya akan dilaksanakan berdasarkan hasil siasatan dan penilaian risiko terhadap keselamatan penduduk.
6. Jabatan PERHILITAN memandang serius kejadian ini memandangkan ia melibatkan aspek keselamatan dan nyawa penduduk setempat. Kerjasama dan penyelarasan dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), PDRM, Pihak Berkuasa Negeri serta komuniti setempat akan terus diperkukuh bagi memastikan langkah keselamatan dan pengurusan konflik manusia-hidupan liar dapat dilaksanakan secara berkesan.
7. Pada masa yang sama, Jabatan PERHILITAN menasihatkan penduduk di kawasan berhampiran supaya meningkatkan tahap

kewaspadaan dan mengelakkan memasuki kawasan hutan atau kawasan yang dikenal pasti mempunyai tanda-tanda kehadiran harimau belang, khususnya secara bersendirian. Penduduk juga dinasihatkan supaya tidak menghampiri, mengejar, menangkap atau mengambil sebarang tindakan sendiri terhadap harimau yang mungkin telah dikesan.

8. Sekiranya terdapat penampakan atau tanda-tanda kehadiran harimau belang, termasuk kesan tapak kaki, bunyi ngauman atau penemuan bangkai haiwan yang disyaki menjadi mangsa Harimau belang, orang awam dinasihatkan supaya tidak menghampiri lokasi tersebut dan segera melaporkan kepada Jabatan PERHILITAN melalui talian 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi Jabatan, www.wildlife.gov.my.
9. Jabatan PERHILITAN merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa atas kejadian yang berlaku. Jabatan akan terus mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan hasil siasatan dan penilaian risiko bagi mengurangkan risiko konflik manusia-hidupan liar serta memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di kawasan berisiko sentiasa diberi keutamaan.

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA
22 SEPTEMBER 2026**